



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 8 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PERKUKUH PERLINDUNGAN KANAK-KANAK: KERAJAAN PERHALUSI PINDAAN DUA AKTA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/perkukuh-perlindungan-kanak-kanak-kerajaan-perhalusi-pindaan-dua-akta/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PROGRAM KASIH KANAK-KANAK DIIKTIRAF MALAYSIA BOOK OF RECORDS - NANCY SHUKRI		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2499763	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2499764	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/malaysias-kasih-kanak-kanak-programme-sets-national-record-for-child-protection/	THESUN.MY	
	https://suarasarawak.my/program-kasih-kanak-kanak-diiktiraf-malaysia-book-of-records-nancy-shukri/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JANGAN JADIKAN TELEFON PINTAR "PENGASUH" KANAK-KANAK - NANCY		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/news.php?id=2499753	BERNAMA.COM	
	https://suarasarawak.my/henti-jadikan-telefon-pintar-sebagai-pengasuh-anak/	SUARASARAWAK.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/minister-warns-against-using-smartphones-as-babysitters-for-children/	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1331878/nancy-limit-kids-screen-time-dont-let-gadgets-babysit	NST.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/07/malaysia-has-laws-so-dont-let-phones-raise-your-kids-nancy-shukri-tells-parents/201074	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2499750	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/07/jangan-jadikan-telefon-pintar-pengasuh-kanak-kanak-nancy/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	AWASI ANAK-ANAK, JANGAN SAMPAI KESERONOKAN BERTUKAR TRAGEDI - NANCY		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297096/awas-i-anak-anak-jangan-sampai-keseronokan-bertukar-tragedi-nancy	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1481906/awasi-anak-anak-jangan-sampai-keseronokan-main-air-banjir-bertukar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-bapa-diingatkan-awasi-anak-anak-pada-musim-tengkujuh/	BULETINTV3.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116624/parents-keep-children-away-from-floodwaters	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WOMEN URGED TO BOOST DIGITAL SKILLS TO STAY COMPETITIVE		POSITIF
	https://www.sarawaktribune.com/women-urged-to-boost-digital-skills-to-stay-competitive/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	RUU ANTIBULI 2025 : REHABILITASI DAN REFORMASI JADI TERAS PERLINDUNGAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ruu-antibuli-2025-rehabilitasi-dan-reformasi-jadi-teras-perlindungan-kanak-kanak	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BANJIR PAHANG: PPS DITUTUP SEPENUHNYA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-pahang-pps-ditutup-sepenuhnya	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	JKM CARI IBU KANDUNG BAYI LELAKI DITEMUKAN DALAM SEMAK		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/12/07/jkm-cari-ibu-kandung-bayi-lelaki-ditemukan-dalam-semak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	2 BUDAK PEREMPUAN USIA 5 TAHUN HILANG DEKAT SANTUBONG SUDAH DIJUMPAI		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1481758/2-budak-perempuan-usia-5-tahun-hilang-dekat-santubong-sudah-dijumpai	BHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/dua-kanak-kanak-perempuan-hilang-di-santubong-ditemui-selamat/	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1331760/missing-5-year-old-girls-santubong-found-safe	NST.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759631/berita/semasa/dua-kanak-kanak-perempuan-hilang-ditemui-selamat	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/dua-kanak-kanak-perempuan-5-tahun-hilang-hampir-24-jam-dijumpai-selamat/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2499727	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-kanak-kanak-hilang-di-pasir-pandak-ditemukan-selamat	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/07/dua-budak-perempuan-5-tahun-hilang-hampir-24-jam-dijumpai-selamat/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-perempuan-hilang-ditemukan-selamat-selepas-hampir-24-jam-550777	ASTROAWANI.COM	
	https://suarasarawak.my/dua-kanak-kanak-hilang-di-pasir-pandak-ditemukan-selamat-berhampiran-pantai/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/2-kanak-kanak-hilang-di-kuching-ditemui-selamat/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/12/07/dua-kanak-kanak-hilang-di-kampung-pasir-pandak-ditemui-selamat	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/dua-kanak-kanak-perempuan-lima-tahun-hilang-dekat-santubong-ditemukan/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.youtube.com/watch?v=MrpK_x5Pb1k	YOUTUBE	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/07/dua-kanak-kanak-perempuan-hilang-di-pasir-pandak-dijumpai-selamat/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	GURU MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA CEMAS DIKEJAR SUAMI, KERETA HAMPIR TERBABAS DILANGGAR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296967/guru-mangsa-keganasan-rumah-tangga-cemas-dikejar-suami-kereta-hampir	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1481802/guru-wanita-tak-tahan-dipukul-larikan-diri-sebelum-dikejar-dilanggar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1331783/teacher-escapes-abuse-sparks-high-speed-chase-husband	NST.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/07/alleged-assault-by-husband-leads-to-car-chase	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759634/berita/semasa/guru-beri-alasan-buang-sampah-sebelum-lari-daripada-suami-kaki-pukul	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/jspt-siasat-insiden-kemalangan-kes-guru-wanita-dipukul-suami/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/07/guru-dakwa-dipukul-suami-kereta-mercedes-abang-dirempuh-dua-kali/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297080/polis-buru-suami-pukul-guru-langgar-kereta-abang-ipar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116619/female-teacher-flees-from-abusive-husband-gets-involved-in-accident	THEVIBES.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-cari-suspek-pukul-isteri/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/07/guru-dakwa-dipukul-suami-cuba-lari-guna-helah-buang-sampah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/guru-wanita-larikan-diri-daripada-terus-dipukul-suami/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297030/guru-mangsa-keganasan-rumah-tangga-dikejar-suami-jspt-siasat-insiden	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1332015/police-tracking-down-suspect-who-allegedly-assaulted-wife	NST.COM.MY	
	https://lobakmerah.com/hampir-terbabas-kereta-kena-langgar-jadi-mangsa-keganasan-rumah-tangga-wanita-cemas-dikejar-suami/	LOBAKMERAH.COM	
	https://onetiger.com/polis-giat-kesan-suspek-pukul-isteri/	ONETIGER.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	KANAK-KANAK 4 TAHUN LEMAS DALAM KOLAM MANDI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-4-tahun-lemas-dalam-kolam-mandi/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/07/kanak-kanak-lelaki-meninggal-dunia-dipercayai-lemas-dalam-kolam-di-port-dickson/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/07/kanak-kanak-4-tahun-lemas-dalam-kolam-di-pd/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-empat-tahun-lemas-di-kolam-inap-desaport-dickson-550794	ASTROAWANI.COM	
	https://suaramerdeka.com.my/kanak-kanak-empat-tahun-lemas-di-kolam-inap-desaport-dickson/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759646/berita/semasa/budak-empat-tahun-lemas-di-kolam-inap-desaport-dickson/	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/kanak-kanak-empat-tahun-maut-lemas-di-port-dickson/	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/07/budak-4-tahun-lemas-dalam-kolam-inap-desaport-dickson/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297016/budak-lelaki-4-tahun-lemas-dalam-kolam-mandi-inap-desaport-dickson/	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	PEMBANTU RUMAH DIDERA DENGAN GUNTING, PISAU PANAS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297061/pembantu-rumah-didera-dengan-gunting-pisau-panas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1481863/amah-larikan-diri-dakwa-ditumbuk-ditekap-pisau-panas-dicucuk-gunting	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/07/police-investigate-gombak-domestic-helper-abuse-claim	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1331876/cops-probing-trafficking-assault-after-woman-escapes-abusive-boss	NST.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759647/berita/semasa/pembantu-rumah-larikan-diri-dakwa-didera-majikan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/07/polis-siasat-pembantu-rumah-warga-tempatan-didera/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/polis-siasat-kes-pembantu-rumah-tempatan-didera-majikan-di-gombak/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-siasat-pembantu-rumah-warga-tempatan-didera-di-gombak-550806	ASTROAWANI.COM	
	https://suaramerdeka.com.my/polis-siasat-pembantu-rumah-warga-tempatan-didera-di-gombak/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	WANITA DENGAN MASALAH MENTAL DIPERCAYAI HILANG SELEPAS KELUAR KE KEBUN		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-dengan-masalah-mental-dipercayai-hilang-selepas-keluar-ke-kebun	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/07/wanita-hilang-di-hutan-kampung-simpok/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/wanita-hilang-di-hutan-kampung-simpok/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	WANITA HAMIL TERSELAMAT DARIPADA KEBAKARAN		NEUTRAL
	https://malaysiagazette.com/2025/12/07/wanita-hamil-terselemat-daripada-kebakaran/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1331618/pregnant-woman-escapes-penang-condo-fire-unharmed	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	4 WANITA SESAT KETIKA AKTIVITI MENDAKI DI BUKIT CHEROK TOKUN		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/nasional/4-wanita-sesat-ketika-aktiviti-mendaki-di-bukit-cherok-tokun/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2499702	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	TIGA WANITA SESAT DI CANADA HILL DISELAMATKAN		NEUTRAL
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/07/tiga-wanita-sesat-di-canada-hill-diselamatkan/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
17	BAPA PERKOSA ANAK KANDUNG 11 TAHUN HINGGA HAMIL		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/759601/global/bapa-perkosa-anak-kandung-11-tahun-hingga-hamil	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
18	EKORI 'WANITA CANTIK' SEBELUM HILANG DI KEBUN DURIAN		NEGATIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/07/ekori-wanita-cantik-sebelum-hilang-di-kebun-durian/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perkukuh perlindungan Kanak-Kanak: Kerajaan perhalusi pindaan dua akta

07 Disember 2025, 5:00pm



Oleh: Kadir Edison

LUNDU: Kerajaan sedang memperhalusi pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 serta Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2012 sebagai langkah memperkukuh kerangka perlindungan kanak-kanak di negara ini.

Usaha itu turut menjadi persiapan kepada Malaysia menjelang sesi libat urus bersama badan antarabangsa di Geneva, Switzerland pada Januari depan, yang dijangka memberi tumpuan kepada beberapa isu kritikal berkaitan hak kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, proses pindaan itu melibatkan libat urus menyeluruh bersama pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pakar serta agensi berkaitan, menerusi pasukan projek khas yang ditubuhkan khusus untuk tujuan itu.

Menurutnya, penambahbaikan perundangan adalah penting bagi memastikan dasar serta tindakan kerajaan kekal selari dengan kehendak Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC), terutama dalam isu besar seperti perkahwinan bawah umur dan kehamilan remaja.

"Sekarang ini kita dalam proses membuat pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001, selain meneliti Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2012.

"Kita ada sebuah pasukan projek khas bagi mengumpul maklumat, mendengar pandangan serta menilai komen daripada pihak berkepentingan.

"Jika sesuai, kita akan masukkan cadangan itu dalam pindaan akta berkenaan, insya-Allah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Karnival Hari Kanak-Kanak dan Karnival Kempen Internet Selamat Peringkat Negeri Sarawak 2025, di sini hari ini.

Nancy menegaskan, usaha pemerkasaan undang-undang bukan hanya bagi tujuan semakan di Geneva, sebaliknya untuk memastikan setiap bentuk perlindungan dan keperluan kanak-kanak dapat dipenuhi serta dipatuhi di peringkat pelaksanaan.

Katanya, Malaysia komited menunjukkan kesungguhan negara dalam menangani isu kritikal membabitkan kanak-kanak, khususnya berkaitan keselamatan, hak asasi serta perlindungan terhadap risiko seperti perkahwinan bawah umur.

"Ini bukan semata-mata untuk menjawab soalan di Geneva, tetapi bagi memastikan negara benar-benar menyediakan perlindungan terbaik kepada kanak-kanak kita," tegasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Kasih Kanak-Kanak Diiktiraf Malaysia Book Of Records – Nancy Shukri

🕒 07/12/2025 03:11 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri (Kredit: JAPEN)

LUNDU (Sarawak), 7 Dis (Bernama) -- Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai "program advokasi perlindungan kanak-kanak terbesar", dengan penyertaan 128,148 kanak-kanak di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata program tersebut telah dilaksanakan melalui Jabatan Pembangunan Kanak-kanak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat di 564 sekolah dan 46 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak seluruh negara, memberi manfaat kepada 71,213 kanak-kanak.

"Di Sarawak, program ini dilaksanakan di 71 buah sekolah dan lapan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, melibatkan 14,895 peserta yang menerima manfaat secara langsung.

"Program ini turut menggalakkan masyarakat menjadi "mata dan telinga" komuniti dengan melaporkan kes penderaan kanak-kanak menerusi Talian Kasih 15999, bagi memastikan setiap anak dapat hidup dalam persekitaran yang lebih selamat," katanya ketika berucap pada majlis penutupan Karnival Sambutan Hari Kanak-kanak di Kampung Sempadi di sini hari ini.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata pada 18 Nov lepas, KPWKM telah melancarkan Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara 2026–2030 yang merangkumi 141 tindakan di bawah empat objektif dasar dan keutamaan strategik, bagi memperkukuh perlindungan serta pembangunan kanak-kanak.

"Menerusi Forum ICT ASEAN mengenai Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian 2025, Malaysia menegaskan komitmen terhadap tindakan serantau berkaitan keselamatan digital kanak-kanak, selari dengan Pelan Induk Digital ASEAN 2025.

"Anak-anak yang hadir hari ini adalah cerminan masa depan negara dan suara mereka adalah harapan Malaysia yang lebih penyayang dan progresif," katanya.

Bertemakan "Hari Ini, SuaraKu", beliau berkata setiap kanak-kanak mempunyai suara yang perlu didengar dengan hormat dan diambil kira dalam semua keputusan yang menyentuh kehidupan mereka.

Pada majlis itu, Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong memaklumkan sebanyak RM500,000 diperuntukkan bagi Projek Naik Taraf Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Jalan Sempadi yang kini sedang dilaksanakan, manakala satu lagi projek naik taraf JPD berhampiran Masjid telah siap sepenuhnya dengan peruntukan RM320,000.

"Usaha ini akan memudahkan pergerakan penduduk, memacu ekonomi tempatan, dan memastikan anak-anak kita pulang dari sekolah dengan lebih selamat dan selesa," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jangan Jadikan Telefon Pintar "Pengasuh" Kanak-Kanak – Nancy

🕒 07/12/2025 04:13 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri (Kredit: JAPEN)

LUNDU (Sarawak), 7 Dis (Bernama) -- Trend menjadikan telefon pintar dan gajet sebagai "pengasuh" kanak-kanak, harus ditangani berikutan kebimbangan terhadap kesan negatif pendedahan awal kepada peranti digital itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata penggunaan telefon pintar untuk mendiamkan atau menenangkan anak bukan sahaja menjejaskan emosi dan sosial mereka, malah berisiko mendedahkan kanak-kanak kepada kandungan tidak sesuai jika tidak dipantau sebaiknya.

"Malaysia sebenarnya telah mempunyai undang-undang dan peraturan berkaitan kawalan penggunaan peranti pintar dalam kalangan kanak-kanak, namun pelaksanaannya masih memerlukan pengukuhan melalui peningkatan kesedaran ibu bapa serta penglibatan pelbagai pihak.

"Isu ini bukan sekadar tentang teknologi, tetapi tentang perubahan budaya dalam mendidik anak-anak. Telefon tidak boleh dijadikan pengasuh. Ia harus digunakan secara terkawal dan berhemah," katanya kepada pemberita selepas majlis penutupan Karnival Sambutan Hari Kanak-kanak di Kampung Sempadi di sini hari ini.

Nancy berkata langkah diambil Australia dengan melarang penggunaan telefon pintar dalam kalangan kanak-kanak berusia 16 tahun ke bawah turut menjadi rujukan, namun Malaysia tidak perlu menggubal undang-undang baharu kerana peruntukan sedia ada sudah mencukupi.

"Tumpuan kini adalah untuk memperkukuh penguatkuasaan dan mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab dalam mengurus penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Awasi anak-anak, jangan sampai keseronokan bertukar tragedi - Nancy

Mohd Roji Kawi
am@metro.com.my



NANCY menghadiri Karnival Sambutan Hari Kanak-Kanak 2025 (KSHKK 2025) di Kampung Sempadi, Lundu. FOTO Ihsan Jabatan Penerangan

Kuching: Ibu bapa perlu lebih berwaspada pada musim tengkujuh ini dengan tidak membiarkan anak-anak bermain di kawasan dilanda banjir.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, seperti sudah menjadi kebiasaan pada musim banjir ramai yang seronok bermain air.

"Kita tidak mahu keseronokan itu bertukar tragedi, jadi ibu bapa seharusnya lebih berwaspada dengan pergerakan anak-anak mereka.

"Sentiasa awasi anak-anak anda, jangan biarkan mereka bermain di tempat berisiko," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Karnival Sambutan Hari Kanak-Kanak 2025 (KSHKK 2025) di pekarangan Masjid Darul Ibadah Kampung Sempadi, Kampung Sempadi di Lundu, hari ini.

"Kita tentunya tidak mahu mendengar sesuatu yang buruk berlaku pada anak-anak apatah lagi kita baru dikejutkan dengan kehilangan dua kanak-kanak perempuan berusia lima tahun di Kampung Pasir Pandak, Santubong, semalam.

"Saya berharap kejadian itu meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa supaya mengawasi anak-anak terutama pada musim hujan ini," katanya.

Beliau bersyukur, dua kanak-kanak itu ditemui selamat pagi ini selepas hampir 24 jam dilaporkan hilang.

"Difahamkan, dua kanak-kanak itu ditemui kira-kira tiga kilometer dari rumah nenek mereka," katanya.

Kanak-kanak berkenaan, Humaira Qalesya Mohd Dir dan sepupunya, NurAshafieya Aisyah Abd Nasri Asrafie disedari hilang selepas mereka tidak pulang ke selepas bermain di rumah nenek mereka dan kali terakhir mereka dilihat bermain dengan sepupu yang lain pada 9 pagi.

Sementara itu, mengulas kenyataan Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Siraj Jalil mengenai tahap literasi masyarakat, khususnya ibu bapa, terhadap akta dan undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak masih rendah, Nancy berkata, pihaknya melaksanakan pelbagai program advokasi untuk menangani polemik itu.

"Kementerian kami melaksanakan pelbagai program termasuk ASEAN ICT Forum on Child Online Protection 2025 bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap perlindungan kanak-kanak.

"Kami juga melaksanakan program advokasi untuk mengelakkan pendedahan kanak-kanak kepada risiko berbahaya di ruang digital membabitkan pelbagai pihak antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC)," katanya.

Menurutnya, undang-undang berkaitan kanak-kanak sedia ada memadai untuk melindungi golongan itu dan yang penting semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama membantu meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap akta berkaitan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Women urged to boost digital skills to stay competitive

News Desk Business, Top Story 7 December 2025 10:55 am



Nancy (left) presents a certificate to a participant. Photo: UKAS

KUCHING: Women are being encouraged to strengthen their digital capabilities to stay competitive in an increasingly technology-driven world.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said digital proficiency is now essential, noting that programmes such as ICT4HeR are equipping participants with the basics of artificial intelligence (AI), photography techniques, mobile graphic design and business-related digital skills.

She said these capabilities open new opportunities for women to generate income, embark on entrepreneurship or advance their careers.

Nancy said this at the closing ceremony of the ICT4HeR – Women and Technology Programme held at Pustaka Negeri Sarawak last night (Dec 7), where she also presented awards to outstanding participants.

She added that empowering women with digital knowledge creates broader impact, helping uplift families and communities.

To support this effort, the ministry is strengthening the Laman Wanita (LaWa) initiative, which now houses 13 digital and financial literacy training facilities across seven states.

Beginning in 2025, the LaWa-on-the-Go initiative will also be expanded to reach women in areas without permanent facilities.

As of Sept 2025, more than 10,668 women have benefitted through 716 LaWa programmes.

Nancy also highlighted the success of the Gig@BIT initiative, which offers training in digital marketing, cyber security and Generative AI.

Last year, it benefitted 1,411 women through physical sessions and reached more than 170,000 individuals through digital platforms.



Nancy (centre) in a photocall with participants of the programme. Photo: UKAS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RUU Antibuli 2025 : Rehabilitasi dan reformasi jadi teras perlindungan kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 07 Disember 2025 11:28 AM



Prof Madya Dr. Nadzriah Ahmad, Ketua Entiti Kecemerlangan Undang-Undang Kanak-Kanak, Fakulti Undang-Undang, UiTM

KUALA LUMPUR, 7 Disember – Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli 2025 yang diluluskan pada Rabu lepas, bukan lagi berteraskan hukuman semata-mata, sebaliknya membawa pendekatan baharu melalui rehabilitasi dan reformasi terhadap pelaku serta institusi pendidikan.

Prof Madya Dr. Nadzriah Ahmad, Ketua Entiti Kecemerlangan Undang-Undang Kanak-Kanak, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkata, bukan sahaja mangsa buli dilindungi melalui sistem aduan rasmi, tetapi pelaku turut dikenakan tindakan dan dibimbing agar tidak mengulangi perbuatan yang boleh mencetuskan kitaran buli.

"Pendekatan sedia ada lebih berteraskan 'crime-based', iaitu menekankan hukuman. Namun bagi kanak-kanak, kita tidak boleh hanya bergantung kepada hukuman atau membuat satu perintah yang semata-mata tertumpu kepada kesalahan.

"Kita juga perlu melihat bagaimana untuk mereformasi mereka, mendidik mereka dan membantu mereka sedar bahawa perbuatan itu termasuk buli adalah satu kesalahan," katanya ketika ditemu bual selepas menjadi tetamu dalam Program Selamat Pagi Malaysia (SPM) di Angkasapuri Kota Media.

"RUU ini lain daripada akta-akta yang kita ada sekarang kerana ia juga menekankan aspek rehabilitasi dan reformasi. Kebanyakan pembuli merupakan mangsa buli. Jadi kalau kita tidak mengambil tindakan untuk membetulkan pembuli ini, kitaran itu tidak akan berhenti," ujarnya.

Beliau yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF) Selangor menegaskan, faktor utama wujudnya RUU tersebut kerana kerajaan mahukan satu perundangan yang lebih komprehensif.

"Kita memang ada undang-undang sedia ada, tetapi semuanya wujud secara 'piecemeal' (sedikit demi sedikit) dan tidak holistik," tambahnya.

RUU itu memperkenalkan Tribunal Antibuli sebagai mekanisme kehakiman mesra mangsa, termasuk kuasa mengarahkan permohonan maaf dan pembayaran pampasan sehingga RM250,000.

"Tribunal ini mempunyai quasi-judicial yang diberi kuasa membuat perintah (award). Salah satu yang lain daripada yang lain adalah meminta maaf kepada mangsa buli selain ibu bapa membayar pampasan dan menghadiri sesi kaunseling," katanya.

Pendekatan reformasi ini turut menggalakkan penglibatan ibu bapa bagi memastikan kanak-kanak memahami kesalahan, serta dibimbing melalui proses kaunseling dan pemulihan.

"RUU ini menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam membantu kita membetulkan kelakuan anak-anak ini, dan ibu bapa harus memastikan anak ini mengikuti perintah tribunal," katanya.

RUU Antibuli 2025 turut memperluaskan definisi buli merangkumi kesan psikologi, sosial, emosi dan fizikal, termasuk tingkah laku yang berlaku di alam maya.

Dengan penekanan terhadap pemulihan, penglibatan ibu bapa dan mekanisme tribunal, RUU Antibuli 2025 dijangka bukan sahaja menghukum, tetapi membentuk budaya sekolah yang lebih selamat, melindungi mangsa dan mendidik pelaku agar tidak mengulangi perbuatan buli.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir Pahang: PPS ditutup sepenuhnya

Nasional - Dicipta: 07 Disember 2025 12:23 PM



Banjir Pahang: PPS ditutup sepenuhnya

RAUB, 7 Disember - Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Balairaya Kampung Ulu Sungai di Raub, Pahang ditutup sepenuhnya pada pukul 10.00 pagi, Ahad.

Kesemua penduduk yang berlindung di PPS itu dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penduduk terjejas di Pahang seramai tujuh orang daripada sebuah keluarga ditempatkan di PPS Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan, Kuantan setakat pukul 12.00 tengah hari.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari ibu kandung bayi lelaki ditemukan dalam semak

Oleh Syahira Yahya - 7 December 2025



Bayi yang ditemui dalam semak di Kuantan pada 11 November lalu mengalami kesan kemerahan pada bahagian hadapan badan dan kesan melecur pada kaki kanan kini dilaporkan stabil

KUANTAN — Jabatan Kebaikan Masyarakat (JKM) Pahang sedang mengesan ibu kandung atau waris kepada seorang bayi lelaki yang ditemui dalam di kawasan semak di sini, pada 11 November lalu.

Orang awam yang mempunyai maklumat lanjut diminta menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Siti Nur Aishah Jusoh di talian 09-5724225.

Menurutnya, bayi tersebut berada dalam keadaan stabil selepas menerima rawatan rapi di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan ditempatkan di bawah jagaan pihak berkuasa.

"Bayi tersebut ditemui seorang wanita yang curiga melihat sesuatu di dalam semak sebelum menemukan seorang bayi lelaki tanpa sebarang dokumen pengenalan diri.

"Wanita berkenaan kemudiannya memaklumkan kepada suaminya, sebelum bayi tersebut dibawa ke balai polis," katanya

Polis kemudiannya membawa bayi tersebut ke Hospital Tengku Ampun Afzan (HTAA) untuk rawatan lanjut dan kes dirujuk kepada Pelindung Kanak-Kanak serta Pegawai Kerja Sosial Perubatan HTAA.

Hasil pemeriksaan awal mendapati bayi seberat 2.5 kilogram itu berada dalam keadaan lemah namun stabil.

"Bayi itu juga mengalami kesan kemerahan pada bahagian hadapan badan dan kesan melecur pada kaki kanan serta disahkan mengalami jangkitan kuman.

"Bayi berkenaan dimasukkan ke unit rawatan rapi neonatal (NICU) sebelum dipindahkan ke Wad SCN 1 selepas keadaannya menunjukkan perkembangan positif," katanya kepada MalaysiaGazette.

Kini, bayi tersebut ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom, Penor, Kuantan melalui perintah mahkamah. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2 budak perempuan usia 5 tahun hilang dekat Santubong sudah dijumpai

Mohd Roji Kawi - Disember 7, 2025 @ 10:40am



Dua kanak-kanak perempuan yang hilang di Kampung Pasir Pandar, Santubong sejak pagi semalam ditemukan selamat. - Foto FB Nancy Shukri

KUCHING: Dua budak perempuan berusia lima tahun dilaporkan hilang di Kampung Pasir Pandak, Santubong, dekat sini sejak pagi semalam, berjaya ditemui kira-kira jam 9.30 pagi tadi.

Humaira Qalesya Mohd Dir dan sepupunya, NurAshafieya Aisyah Abd Nasri Asrafie I, ditemui di lokasi kira-kira tiga kilometer dari rumah nenek mereka.

Berita menggembirakan itu dikongsi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong, Datuk Seri Nancy Shukri dalam hantaran di Facebook, sebentar tadi.

"Alhamdulillah, dua kanak-kanak perempuan yang hilang di Kampung Pasir Pandak sejak semalam telah selamat dijumpai sebentar tadi. Kamek (saya) turut dapat bersama dengan mereka," katanya.

Nancy turut berterima kasih kepada semua pihak yang telah membantu sejak semalam, terutamanya anggota polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan penduduk kampung Pasir Pandak.

Wakil Ketua Polis Daerah Kuching, Deputi Superintendan Zamry Ali berkata, kedua-dua kanak-kanak bersaudara itu ditemui sedang duduk di atas batu dalam keadaan kesejukan.

Terdahulu, media melaporkan kehilangan dua kanak-kanak terbabit disedari apabila tidak pulang selepas bermain di rumah nenek mereka.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, berkata berdasarkan keterangan keluarga, dua budak itu dilihat kali terakhir kira-kira jam 9 pagi semalam ketika bermain bersama sepupu.

"Lokasi rumah nenek mereka hanya kira-kira 50 meter dari kediaman keluarga kanak-kanak terbabit. Bapa salah seorang budak itu menyedari kehilangan mereka kira-kira jam 11 pagi apabila mendapati kedua-dua tiada di tempat bermain," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, penduduk kampung serta ahli keluarga segera melancarkan usaha mencari di sekitar kampung sebaik kehilangan kanak-kanak itu disedari.

"Namun, pencarian awal tidak menemukan sebarang petunjuk. Jam 6 petang, laporan polis dibuat selepas usaha mencari selama beberapa jam tidak membawa sebarang hasil," katanya.

JBPM menerima maklumat kejadian itu daripada polis jam 8 malam tadi dan sepasukan sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Petra Jaya diarah ke lokasi.

Gerakan mencari dan menyelamat (SAR) dilancarkan di sekitar kampung yang terletak berhampiran pantai itu dengan bantuan polis, APM, RELA serta penduduk kampung.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru mangsa keganasan rumah tangga cemas dikejar suami, kereta hampir terbabas dilanggar

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Beri alasan mahu keluar buang sampah menyelamatkan seorang guru daripada terus dipukul suaminya di kediaman mereka di Salak Selatan, di sini.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Aidil Bolhassan berkata, polis menerima laporan dibuat guru berusia 26 tahun jam 12.20 tengah hari kelmarin.

Menurutnya, mangsa dipukul suaminya ketika berada di kediaman mereka dan bagi mengelak terus dipukul dia memberi alasan keluar rumah untuk membuang sampah sebelum melarikan diri.

Menurutnya, abangnya yang memandu Mercedes Benz membantu adiknya melarikan diri namun bertembung dengan suami mangsa.

"Lelaki itu bertindak mengejar mereka sehingga ke Jalan Kampung Pasir Pantai Dalam, di sini.

"Suami mangsa turut melanggar kereta abang iparnya sebanyak dua kali menyebabkan mereka hampir terbabas sebelum berjaya melarikan diri ke Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aidil berkata, kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Kanak-kanak 4 tahun lemas dalam kolam mandi

🕒 07 Disember 2025, 1:07pm



Foto hiasan

Oleh: Mohd Khidir Zakaria

PORT DICKSON: Seorang kanak-kanak lelaki empat tahun yang lemas dalam kolam mandi sebuah penginapan, di Batu 4 Jalan Pantai di sini, disahkan meninggal dunia jam 8.40 malam tadi.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Maslan Udin berkata, pihaknya menerima pemakluman daripada Hospital Seremban berhubung insiden itu.

"Siasatan mendapati mangsa lemas dalam kolam sedalam 1.5 meter dan panjang 9 meter," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa dibawa dan menerima rawatan awal di Hospital Port Dickson, sebelum dipindahkan ke Wad PICU Hospital Tuanku Jaafar Seremban jam 6 petang semalam.

"Mangsa disahkan meninggal dunia jam 8.40 malam tadi oleh doktor bertugas. Bedah siasat akan dilakukan hari ini di Hospital Rembau untuk membantu siasatan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pembantu rumah didera dengan gunting, pisau panas

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



FOTO hiasan

Gombak: Ditumbuk di muka, badan dicucuk dengan gunting selain lengan kiri melecur ditekap pisau panas. Itu derita seorang pembantu rumah warga tempatan selepas menjadi mangsa dera majikannya di Rawang, Jumaat lalu.

Menurut sumber, rambut wanita berusia 22 tahun itu turut digunting majikannya, menyebabkan mangsa yang tidak tahan keluar mendapatkan bantuan jiran sebelum diselamatkan.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada jam 8.38 malam tadi.

Menurutnya, mangsa yang melarikan diri meminta pertolongan daripada jiran berdekatan berhubung kejadian penderaan yang dilakukan oleh majikannya.

"Mangsa yang mendapat bantuan dan menerima rawatan kemudian memaklumkan kepada polis berhubung kejadian itu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan Seksyen 12/13 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, orang ramai yang melihat atau mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini boleh menghubungi pegawai penyiasat kes iaitu Asisten Superintendan Ikhwanizam Ismail di talian 019-6000468 atau Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak di talian 03-6126 2222.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita dengan masalah mental dipercayai hilang selepas keluar ke kebun

Nasional - Dicipta: 07 Disember 2025 03:24 PM



Pusat Gerakan Operasi JBPM Sarawak / Foto RTM

PADAWAN, 7 Disember - Seorang wanita yang dipercayai mengalami masalah mental, dilaporkan hilang selepas keluar ke kebunnya di Kampung Singai/Simpok tengah hari semalam.

Menurut Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, wanita yang dikenali sebagai Aron Rajak, 57 tahun itu tidak pulang sejak keluar dari rumah pada pukul 12.30 tengah hari.

"Pihak bomba menerima panggilan kecemasan pada pukul 9.16 malam dan tiba di lokasi 15 minit selepas itu.

Mangsa yang memakai singlet putih dan sarung kain juga dimaklumkan mengalami masalah mental. Operasi awal melibatkan pencarian dalam radius 2 kilometer sekitar kebun mangsa dan kawasan bersebelahan, namun sehingga jam 10.30 malam, tiada petunjuk atau penemuan mangsa," kata kenyataan PGO JBPM.

Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) melibatkan sembilan anggota bomba bersama tiga jentera serta sokongan agensi lain termasuk Polis Diraja Malaysia, PBS Simpok dan penduduk kampung.

Operasi ditangguhkan malam semalam dan pencarian telah disambung semula hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita hamil terselamat daripada kebakaran

Oleh Malinda Abdul Malik - 7 December 2025



Hampir 80 peratus rumah mangsa terbakar dalam kejadian tersebut.

GEORGE TOWN – Seorang wanita hamil tiga bulan nyaris menjadi mangsa kebakaran selepas unit apartment yang didiaminya di Jalan Angsana, Ayer Itam di sini musnah dalam kebakaran semalam.

Difahamkan, wanita berusia 30-an itu sempat menyelamatkan diri sebelum pasukan bomba tiba di lokasi.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, John Sagun Francis berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 9.18 malam dan tiba di lokasi 10 minit kemudian.

“Sebaik tiba, kebakaran sudah merebak penghuni berjaya keluar sebelum pasukan penyelamat dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Paya Terubong yang diketuai Komander Operasi Yusri Zakaria tiba.

“Proses pemadaman mengambil masa hampir 15 minit dan pasukan penyelamat melakukan ‘size up’ serta pemantauan bagi memastikan keselamatan.

“Mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan namun diberikan rawatan awal di lokasi sebelum dihantar hospital untuk pemeriksaan lanjut,” katanya dalam kenyataan media hari ini.

Tambah beliau, kebakaran rumah itu hampir 80 peratus dan operasi tamat sepenuhnya jam 10.33 malam. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4 wanita sesat ketika aktiviti mendaki di Bukit Cherok Tokun

🕒 07 Disember 2025, 9:37am



Empat wanita tersesat dalam hutan semasa aktiviti mendaki di Bukit Cherok Tokun, Bukit Mertajam, diberikan rawatan awal selepas ditemui anggota bomba. – Foto JBPM

Oleh: Nur Izzati Mohamad

BUKIT MERTAJAM: Empat wanita yang tersesat ketika mendaki Bukit Cherok Tokun, di sini semalam, ditemui selamat oleh anggota bomba malam tadi.

Terdahulu, kejadian berkenaan dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) jam 5.47 petang.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat JBPM negeri, John Sagun Francis berkata, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Mertajam bergegas ke lokasi untuk operasi mencari dan menyelamat (SAR).

"Terdapat empat wanita berusia 25 tahun telah sesat dalam hutan ketika melakukan aktiviti pendakian. Mereka menghantar lokasi kedudukan mereka melalui aplikasi WhatsApp.

"Usaha mencari dilakukan termasuk dengan bantuan polis serta orang awam. Dua daripada mereka berjaya ditemui pada jam 8 malam, manakala dua lagi ditemui jam 11.03 malam," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Semua mangsa ditemui dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan, diberikan rawatan awal oleh anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) sebelum dibawa turun dan diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

"Operasi ditamatkan pada jam 11.40 malam," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga wanita dewasa yang dilaporkan sesat ketika menjalankan aktiviti mendaki di kawasan hutan Canada Hill berjaya diselamatkan oleh anggota bomba petang tadi. Foto JBPM

Tiga wanita sesat di Canada Hill diselamatkan

By TVS #bm, Berita Sarawak December 7, 2025 8:56 PM

MIRI, 7 Dis: Tiga wanita dewasa yang dilaporkan sesat ketika menjalankan aktiviti mendaki di kawasan hutan Canada Hill berjaya diselamatkan oleh anggota bomba petang tadi.

Menurut kenyataan Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 6.28 petang sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Miri Sentral digerakkan ke lokasi kejadian, kira-kira empat kilometer dari balai.

"Setibanya pasukan Keluaran Operasi (PKO) di lokasi, didapati benar tiga mangsa wanita berusia lingkungan 30-an sesat semasa mendaki.

"Maklumat awal diperolehi daripada rakan mangsa yang memaklumkan mereka masih belum keluar dari laluan hutan," menurut kenyataan itu.

Pasukan penyelamat kemudian berjaya mengesan mangsa dan mengiringi mereka keluar ke *checkpoint* pertama dalam keadaan selamat.

Operasi diketuai oleh PBK I Robinson Anyie Danyin dan ditamatkan pada jam 7.37 malam.

Tiada kecederaan dilaporkan.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa perkosa anak kandung 11 tahun hingga hamil



MARLISSA MOHAMMAD KAMAL

Follow

07 Disember 2025 07:40am



Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun menjadi mangsa kerakusan nafsu bapa kandungnya sendiri. Gambar hiasan

DEMAK - Seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun menjadi mangsa kerakusan nafsu bapa kandungnya sendiri.

Mangsa, PBA di Kecamatan Sayung, Demak, Jawa Tengah di Indonesia dipercayai telah diperkosa hingga sarat hamil dengan usia kandungannya sudah mencecah 32 minggu.

Kasatreskrim Polres Demak, Iptu Anggah Mardwi Pitriyono berkata, pelakunya dikenali sebagai FS, 35.

"Kes itu terbongkar selepas seorang guru berasa curiga melihat perubahan tubuhnya. Dia kemudiannya melakukan ujian kehamilan dan keputusannya mengejutkan.

"Pihak sekolah bertindak memaklumkan kepada kedua-dua ibu bapanya dan pemerintah desa setempat.

"Tidak lama selepas itu, kami menerima laporan tentang pemerkosaan dilakukan FS terhadap mangsa," ujarnya pada Jumaat sambil menambah pelaku yang bekerja di Gresik, Jawa Timur telah diberkas untuk membantu siasatan.

Menurutnya, mangsa yang masih bersekolah di Sekolah Dasar (SD) kini mengalami trauma yang teruk. - Agensi

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa ditemui dalam keadaan lemah. Foto Polis Limbang

Ekori 'wanita cantik' sebelum hilang di kebun durian

By TVS #bm, Berita Sarawak December 7, 2025 5:55 PM

LIMBANG, 7 Dis: Seorang lelaki warga emas Renggi Minggat, 70, yang ditemui selamat petang ini mendakwa mengekori jejak 'wanita cantik' sebelum dilaporkan sesat lebih 10 kilometer dalam kebun durian semalam.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, mangsa dari Kampung Merasam Darat ditemui dalam keadaan lemah pada jam 3.30 petang hari ini, selepas lebih 24 jam dilaporkan hilang di kebun duriannya.

Menurutnya, kehilangan mangsa dikaitkan dengan unsur mistik selepas mangsa mendakwa ditemani wanita cantik ketika sedang menebang pokok durian dan mengekorinya jauh ke dalam hutan.

"Berdasarkan keterangan mangsa, beliau mengekori wanita cantik tersebut hingga tersesat ke dalam hutan sebelum ditemui dalam keadaan lemah, tetapi masih boleh berjalan petang ini," katanya kepada media hari ini.

Parum berkata, mangsa ditemui oleh orang kampung di sebuah pondok di tepi jalan selepas mangsa berjaya keluar ke tepi jalan raya utama tidak jauh dari lokasi dilaporkan hilang.

Mangsa katanya dibawa ke Hospital Limbang untuk pemeriksaan kesihatan.

Pada Sabtu, Renggi dilaporkan hilang selepas keluar rumah untuk ke kebun durian di Kampung Merasam Darat, Limbang.

Usaha mencari mangsa dipergiatkan melibatkan polis, bomba, Angkatan Pertahanan Awam (APM) Limbang dan penduduk kampung.-TVS